

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH MOHD  
NASIR [JOHOR BAHRU]**

**TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini projek pembangunan Iskandar Malaysia Bas Rapid Transit (BRT) di Johor dan bilakah tarikh dijangka akan mula dibina serta beroperasi.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit (IMBRT) mempunyai liputan rangkaian sepanjang 2051km yang terdiri daripada 63km (*Trunk Line*), 1,247 km (*Direct Line*) dan 741km (*Feeder Line*) yang melibatkan pelbagai laluan. Perkhidmatan BRT ini mampu menampung seramai 4,500 jumlah penumpang perjam sehalu. Reka Bentuk IMBRT amat menitikberatkan pelan operasi yang strategik untuk ketiga-tiga perkhidmatan yang ditawarkan iaitu *Trunk Line*, *Direct Line* dan *Feeder Line*. Kementerian Pengangkutan bekerjasama rapat dengan IRDA bagi projek ini.

2. Projek IMBRT kini berada di peringkat rekabentuk kejuruteraan terperinci. Perunding utama projek IMBRT yang dilantik bertanggungjawab untuk menyediakan rekabentuk kejuruteraan terperinci dan perkhidmatan penyeliaan pembinaan bagi pelaksanaan projek IMBRT Fasa 1. Mengikut perancangan, fasa 1 dijangka bermula pada akhir tahun 2020.

3. Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) selaku agensi pelaksana telah melantik perunding utama bagi projek Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit (IMBRT) setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia pada 11 November 2019.

4. Ujian perintis akan dimulakan pada suku ke-empat 2020 bagi jarak sejauh 4 km dari Horizon Hills ke Anjung, Medini. Di mana untuk memperlihatkan kepada agensi-agensi kerajaan dan orang awam mengenai teknologi hijau terkini yang mungkin dapat dilaksanakan di dalam projek BRT serta untuk memudah cara proses penilaian kelulusan pelesenan jenis kenderaan (*Vehicle Type Approval*).

5. Mengikut perancangan, operasi IMBRT dijangka bermula pada hujung tahun 2022.

Sekian, terima kasih.